

Pemuda PAS mahu Isa Samad minta maaf, undur ketuai Felda
The Malaysian Insider
29 November , 2011

KUALA LUMPUR, 29 Nov — Dewan Pemuda PAS menganggap kes terbaru melibatkan penghinaan terhadap Ketua Peneroka Felda oleh Pengerusi Felda, Tan Sri Isa Samad sebagai kemuncak kemarahan warga felda terhadap pentadbiran Najib.

Sehubungan itu, Ketua Penerangannya Riduan Mohd Noor berkata, Dewan Pemuda PAS membayangkan kenyataan beramaran oleh Pengerusi Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP), Shamsuddin Othman semalam menunjukkan warga felda kini lebih berani, matang, terbuka serta mempunyai prinsip yang teguh dan perlu dihormati oleh semua pihak, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

“Bagi Dewan Pemuda PAS, warga Felda telah lama menyimpan perasaan marah dan kecil hati ekoran pelantikan Tan Sri Isa Samad yang dikatakan tidak kena pada tempatnya kerana dilantik tanpa rundingan dengan ahli jawatankuasa Felda.

“Dalam hal ini, Perdana Menteri menggunakan sepenuhnya kuasa beliau dengan mengetepikan segala pandangan rakyat apabila meletakkan Tan Sri Isa sebagai Pengerusi Felda,” kata beliau dalam satu kenyataan.

Semalam, Shamsuddin yang juga seorang ahli lembaga pengarah agensi itu memberi masa 14 hari kepada Isa yang didakwa mengeluarkan kata-kata menghina beliau dalam satu taklimat di Kuala Pilah awal bulan ini.

Shamsuddin mendakwa Isa mengeluarkan kenyataan menghina dengan mengeluarkan ayat seperti “jika budak kecil, saya dah lempang”, “munafik”, “pembongong”, “penipu” dan “jika saya jumpa saya akan lutu dia”.

Katanya, ia tidak sepatutnya dikeluarkan oleh Isa (gambar) selaku pengerusi agensi kemajuan tanah persekutuan itu.

“Ini kali pertama seorang Pengerusi Felda mengeluarkan kata-kata menghina seorang ketua peneroka, bukan sahaja pemimpin peneroka, saya kira keseluruhan peneroka rasa terhina dengan kenyataan Tan Sri Isa,” kata beliau.

Rakaman ucapan Isa turut ditayangkan pada sidang media yang dihadiri oleh sembilan naib pengerusi JPP Wilayah dan Gerakan Persatuan Wanita.

Riduan menjelaskan dakwaan insiden penghinaan Isa terhadap Ketua Peneroka Felda dalam satu majlis taklimat di Kuala Pilah menunjukkan tahap kesombongan beliau yang melampau.

“Tidak sepatutnya Pengerusi Felda itu menghina Pengerusi JKPP dalam majlis tersebut memandangkan beliau sendiri tidak sampai setahun memegang jawatan tertinggi di felda sedangkan Pengerusi JKPP itu telah berjasa besar terhadap Felda.

“Penghinaan ini amat memalukan bukan sahaja kepada Pengerusi JKPP, bahkan kepada warga Felda keseluruhannya,” kata beliau lagi.

Riduan berkata, Isa perlu mengenang segala jasa dan pengorbanan setiap individu yang terlibat dalam membangunkan Felda.

"Mereka yang selama ini hidup dan mati bersama Felda dan hasil keringat mereka Felda kini mendapat keuntungan berjuta ringgit.

"Dewan Pemuda PAS Malaysia mengingatkan, jika warga Felda sendiri melahirkan kemarahan terhadap Isa dan pentadbiran Najib, ini menunjukkan tiada jalan selamat untuk BN menang mudah dalam pilihan raya umum ke-13 nanti," kata beliau sambil menambah, "tiada lagi istilah 'fixed deposit' jika perdana menteri terus berdegil mengekalkan Isa di jawatan tersebut."

Oleh itu, katanya, Dewan Pemuda PAS mendesak agar Isa memohon maaf secara terbuka kepada Shamsuddin ekoran dakwaan kata-kata berbaut hina terhadap beliau dan meletak jawatan serta-merta.

"Bagi Dewan Pemuda PAS, ini sebagai mesej jelas kepada Perdana Menteri agar mendengar rintihan hati rakyat dan jangan membuat keputusan sendiri tanpa perbincangan dengan pelbagai pihak.

"Ia juga sebagai peringatan agar pemimpin jangan berlagak sombong dengan menghina orang lain di bawahnya," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-mahu-isa-samad-minta-maaf-undur-ketuai-felda/>